PERSATUAN LINGUISTIK MALAYSIA
Bahasa Sendi Tamadun Bangsa

www.plm.org.my

JURNAL LINGUISTIK Vol. 27 (1) Mei 2023 (034-047)

Kajian Intertekstualiti menerusi Bahasa dan Kepimpinan

[1]Neng Lia Marliana, [2]Mohammad Fadzeli Jaafar, [3]Harishon Radzi

[1]p111588@siswa.ukm.edu.my [2]fadzeli@ukm.edu.my 3naslin@ukm.edu.my

[123]*Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik,*
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia

Tarikh terima : 18 Januari 2023
Received
Terima untuk diterbitkan : 24 Februari 2023
Accepted
Tarikh terbit dalam talian : 30 Mei 2023
Published online

Abstrak

Bahasa Melayu dan kepimpinan di Malaysia merupakan dua perkara yang tidak dapat dipisahkan. Dalam proses kepimpinan, penggunaan bahasa sedikit sebanyak menunjukkan gaya kepimpinan seseorang. Berdasarkan semakan, kajian terdahulu belum secara berpada menganalisis intertekstualiti, terutamanya metawacana dengan pendekatan Analisis Wacana Kritis (AWK). Metawacana merupakan sumber linguistik penting yang dapat mengawal khalayak kepada pemahaman teks ucapan dalam wacana kepimpinan Kajian ini bertujuan untuk menginterpretasi intertekstualiti pada aspek metawacana dan menjelaskan praktik diskursif melalui bahasa Melayu dan praktis kepimpinan. Kajian ini memanfaatkan kerangka AWK Fairclough (2013). Data wacana dalam kajian kualitatif ini ialah ucapan dalam "Sejenak Minda Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)" Siri 1, 10, dan 14. Rakaman data diambil dari *Youtube* UKM kemudian ditranskripsi untuk diperolehi teksnya. Kajian mendapati intertekstualiti pada aspek metawacana wujud dalam ucapan Naib Canselor UKM berfungsi melalui penegasan sumber teks lain, metafora, dan parafrasa yang bersifat akademik, didaktik dan tidak kaku. Mesej melalui metawacana dalam bahasa Melayu dibina untuk memudahkan warga UKM memahami kandungan ucapan "Sejenak Minda Naib Canselor UKM". Disimpulkan bahawa penggunaan bahasa Melayu sangat mempengaruhi kualiti kepimpinan pewacana melalui analisis intertekstualiti pada aspek metawacana. Pewacana aktif dalam menghasilkan wacana kepimpinan sebagai manifestasi sikap kepedulian, komited, prihatin terhadap khalayak (warga UKM), serta kemajuan UKM sesuai matlamat di dalam *Pelan Strategik UKM*. Kajian ini diharapkan memberi sumbangan ilmu linguistik dan masyarakat mengenai penggunaan bahasa Melayu melalui wacana kepimpinan kepada khalayak secara baik dan berkesan.

Kata Kunci: bahasa Melayu, kepimpinan, praktik diskursif, analisis intertekstualiti, metawacana

Intertextuality Studies through Language and Leadership

Abstract

Malay language and leadership in Malaysia are two inseparable things. In the leadership process, the use of language is as little as much as it indicates one's leadership style. Based on this, previous studies have not analyzed intertextuality, especially meta discourse with a Critical Discourse Analysis (CDA) approach. Meta discourse is an important linguistic resource that can escort the audience to the understanding of speech texts in leadership discourse. This study aims to interpret intertextuality on aspects of meta discourse and explain discursive practices through Malay language and practical leadership. This study uses the framework of Fairclough's Critical Discourse Analysis (2013). The discourse data in this qualitative study is the speech in

"Sejenak Minda Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)" Siri 1, 10, and 14. The recording of the data is taken from YouTube UKM and then transcribed to obtain the text. The study found that the intertextuality of meta discourse aspects inherent in speech of the Vice-Chancellor of UKM works through the affirmation of other text sources, metaphors, and paraphrases that are academic, didactic and not rigid. The message through meta discourse in the Malay language was built to make it easier for UKM citizens to understand the contents of the speech "Sejenak Minda Naib Canselor UKM". It is concluded that the use of Malay language greatly influences the leadership qualities of the discourse through intertextuality analysis on the aspect of meta discourse. Speaker is active in producing leadership discourse as a manifestation of an attitude of concern, commitment, and concern for the audience (UKM citizens), as well as the progress of UKM in accordance with the goals in the UKM Strategic Plan. This study is expected to contribute linguistics and society regarding the use of the Malay language through leadership discourse to the audience in a good and memorable manner.

Keywords: Malay language, leadership, discursive practice, intertextuality analysis, meta discourse

---

1. Pengenalan

Analisis Wacana Kritis (AWK) bertujuan untuk membina model analisis wacana yang mempunyai sumbangan kepada analisis sosial dan budaya (Fairclough, 2013). Fairclough dan Wodak (1997) menegaskan bahawa analisis wacana secara kritis melihat wacana (penggunaan bahasa dalam pertuturan dan penulisan) sebagai satu bentuk amalan sosial supaya ia boleh memaparkan kesan ideologi, menghasilkan kuasa, serta menghasilkan semula hubungan kuasa yang tidak setara antara kelas sosial, lelaki, wanita, serta kumpulan majoriti dan minoriti. Fairclough menumpukan perhatian wacana kepada bahasa kerana penggunaan bahasa untuk mencerminkan sesuatu. Pernyataan Fairclough selari dengan Halliday (2003) bahawa bahasa merupakan tingkah laku sosial dan kajian mengenai bahasa berkaitan dengan bahasa itu sendiri dan hubungannya dengan struktur sosial.

Oleh sebab penggunaan bahasa untuk mencerminkan amalan sosial, kajian ini bertujuan untuk memperlihatkan hubungan dialektikal antara bahasa (bahasa Melayu) dengan aspek proses sosial kepimpinan. Kajian ini akan membincangkan intertekstualiti pemimpin sebuah universiti awam di Malaysia menggunakan wacana dalam keberkesanan proses kepimpinannya. Pewacana yang dimaksudkan dalam kajian ini memanfaatkan bahasa Melayu sebagai medium dalam mencapai matlamat yang dikehendaki, salah satunya sebagai alat berkomunikasi dengan khalayak akademik. Matlamat yang disampaikan kepada khalayak ini bersumber daripada teks/teks lain. Pengkaji wacana percaya bahawa sesuatu teks wacana lazimnya terbina daripada gabungan pelbagai maklumat teks lain serta kombinasi beberapa jenis wacana. Fairclough (1992) menamakan sebagai intertekstualiti. ialah satu fenomena yang telah dianalisis secara meluas dalam linguistik, falsafah, dan kajian sastera.

Intertekstualiti merupakan bahagian daripada analisis praktik diskursif (Fairclough, 2013). Praktik diskursif mengikut Fairclough (1992) digunakan dalam penggunaan bahasa (bertulis dan pertuturan) yang boleh berubah daripada satu perkara yang diperkatakan kepada perkara yang lain, atau dari satu gaya kepada gaya yang lain (Asmah, 2015). Menurut Fairclough (1992), intertekstualiti adalah kes di mana teks khusus lain secara jelas dimanfaatkan dalam penghasilan teks/wacana baharu yang boleh dilakukan melalui representasi wacana, praandaian, nafian, metawacana, dan ironi. Bloome dan Robertson (1993) menakrifkan intertekstualiti sebagai penjajaran teks yang berbeza. Intertekstualiti tidak diberikan dalam teks atau dalam pembaca, sebaliknya dibina secara sosial. Apabila orang bertindak dan bertindak balas antara satu sama lain, mereka menggunakan bahasa dan sistem semiotik lain untuk membuat makna, untuk membentuk hubungan sosial, dan untuk mengambil tindakan sosial. Agar intertekstualiti dapat diwujudkan, intertekstualiti yang dicadangkan mestilah diiktiraf secara interaksi, diakui, dan mempunyai kepentingan sosial.

Berkaitan dengan penggunaan bahasa dan hubungan sosial, kajian ini membincangkan kaedah pemimpin universiti awam di Malaysia menggunakan wacana dalam keberkesanan proses kepemimpinannya melalui analisis intertekstualiti. Intertekstualiti wacana kepimpinan dalam kajian ini merujuk kepada kepelbagaian sumber/maklumat dalam membentuk kesatuan bahasa yang lengkap yang digunakan untuk berinteraksi, berkomunikasi atau mengungkapkan idea, gagasan, atau isu-isu

yang berkaitan dengan pelan strategik dan program bulanan sebuah universiti awam di Malaysia kepada khalayak, warga universiti. Manakala kepimpinan itu sendiri menurut Dirham (2019) merupakan tindakan untuk mempengaruhi seseorang, proses komunikasi yang jelas dan tepat untuk menerangkan kepada ahli matlamat yang ingin dicapai berkaitan matlamat individu, kumpulan, dan organisasi. Gaya kepimpinan yang memiliki kualiti ideal, antaranya kemahiran komunikasi merupakan gaya kepimpinan yang sangat diminati. Kepimpinan yang berkesan ialah yang menekankan kebolehan pemimpin dalam menjalankan tugas dan kebolehan dalam menumpukan orientasi hubungan sesama manusia melalui memotivasikan, bekerjasama, serta memakmurkan ahlinya. Menurut Idris (2004), peranan bahasa sebagai wahana komunikasi dan interaksi tidak boleh dinafikan.

Menurut Holladay dan Coombs (1994), kandungan dan penyampaian pemimpin mempengaruhi persepsi pengikut terhadap seorang pemimpin. Manakala Suppiah et al. (2022) menyatakan bahawa kandungan dan penyampaian mesej yang baik diperlukan untuk mempengaruhi sikap dan tingkah laku pengikut yang akan menyumbang kepada perubahan sosial atau pembangunan. Dalam konteks kajian yang dilakukan ini, bahasa Melayu dan kepimpinan ditunjukkan melalui tindakan pewacana untuk mempengaruhi khalayaknya melalui proses komunikasi menggunakan bahasa Melayu. Hal tersebut bagi menerangkan kepada ahli matlamat yang ingin dicapai berkaitan matlamat individu, kumpulan, dan organisasi mengikut gaya kepimpinan pewacana. Wacana yang diluahkan disebut sebagai wacana kepimpinan "Sejenak Minda Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)" dengan menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa pengantar dalam ucapan Naib Canselor UKM. Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dalam pendidikan dapat dilihat dalam Akta Pendidikan 1996, Perkara 17 yang menyatakan: "Bahasa Kebangsaan hendaklah menjadi bahasa pengantar utama di semua institusi pendidikan dalam sistem pendidikan kebangsaan yang ditubuhkan di bawah seksyen 28 atau mana-mana institusi pendidikan lain yang dikecualikan oleh Menteri daripada subseksyen ini" (Akta Pendidikan 1996 & Peraturan Pendidikan). Tambahan pula, menurut Puteri Roslina Abdul Wahid (2005) bahawa isu yang wujud berkaitan bahasa mampu diselesaikan melalui saluran sistem pendidikan. Sebagaimana dinyatakan Mohammad (2021) bahawa penggunaan bahasa kebangsaan tidak boleh terabai. Hal tersebut selaras dalam usaha untuk melahirkan satu bangsa, satu bahasa dan merealisasikan dasar kerajaan iaitu memartabatkan bahasa Melayu, mengukuhkan bahasa Inggeris (Ibrahim & Maliati, 2020).

Demikian pula yang diamalkan Naib Canselor UKM kepada warga UKM melalui ucapan "Sejenak Minda Naib Canselor UKM". Oleh itu, kajian wacana ini akan menjelaskan lebih dalam lagi hubungan bahasa Melayu dan kepimpinan Naib Canselor UKM melalui analisis intertekstualiti pada aspek metawacana. Metawacana (*metadiscourse*) biasanya dipakai untuk menganalisis esei, bacaan, dan struktur teks. Hyland (2005) menyatakan bahawa metawacana merujuk pada aspek dalam teks yang secara jelas membina wacana, menarik pembaca, dan menandakan sikap penulis. Peranannya dalam wacana adalah sebagai jambatan yang menghubungkan dan mengekalkan hubungan antara penulis dan pembaca. Metawacana memberi tumpuan kepada perhatian pembaca pada cara penulis memproyeksikan dirinya dalam penulisannya untuk menandakan hubungan komunikatif antara penulis dan pembaca.

Metawacana dalam kajian ini berfungsi melalui penegasan sumber teks lain atau konvensyen tertentu yang dimanfaatkan pewacana, pemanfaatan metafora, dan penggunaan parafrasa dalam ucapan Naib Canselor. Metawacana dalam kajian ini merupakan cara pewacana membezakan aras yang berlainan dalam teksnya sendiri, serta cara pewacana menjarakkan dirinya daripada sesetengah aras teks dan menganggap aras berlainan itu sebagai milik teks lain (Fairclough, 1992). Metawacana merupakan sumber linguistik penting yang dapat mengawal khalayak kepada pemahaman teks ucapan dalam wacana kepimpinan yang dikaji. Analisis aspek metawacana dalam pandangan yang lebih luas mengenai interaksi sosial pewacana dan khalayak sebagai proses linguistik. Analisis intertekstualiti pada aspek metawacana boleh membantu mewujudkan praktis sosial serta hubungan antara bahasa Melayu dan kepimpinan dalam ucapan Naib Canselor UKM sehingga dapat mempengaruhi praktik diskursif (intertekstualiti) warga UKM.

2. Sorotan Literatur

Kebanyakan kajian terdahulu mengenai intertekstualiti membincangkan data sastera seperti teks puisi, cerpen. novel, drama, dan humor. Pengkaji intertekstualiti karya sastera tersebut sama ada memanfaatkan kerangka teori Kristeva (1980) atau AWK Fairclough (1992, 1995, 2010, 2013). Namun kajian intertekstualiti pada karya sastera memiliki kelompangan, iaitu adanya sifat mem-*fait accompli* pengarang karya sastera. Pengarang yang melahirkan karya yang topiknya dianggap sudah pernah ditulis oleh pengarang sebelumnya (karya transformatif) dianggap telah pula membaca karya pengarang sebelumnya (karya hepigram) sehingga berlaku penyimpangan pengarang karya transformatif dari karya hepigramnya. Hal yang bersifat spekulatif mestilah menjadi pertimbangan bagi pengkaji intertekstualiti pada karya sastera. Sifat *fait accompli* akan bersifat tidak adil dan subjektif, kecuali apabila pengarangnya mengakui karyanya merupakan transformasi daripada karya sebelumnya yang sejenis (Ali, 2005; Iwan, 2017; Abdul, 1991; Mawar, 2016; Romel, 2015).

Terdapat pula kajian terdahulu mengenai intertekstualiti dengan data ucapan para pemimpin dan ahli politik. Kajian intertekstualiti ini dilakukan oleh Ksenia (2016) yang menganalisis wacana politik Parti Demokratik US dengan kerangka teori Kristeva (1980). Seterusnya kajian intertekstualiti dalam ucapan Presiden US sebagai wacana kepimpinan dilakukan oleh Kremneva & Manukhina (2013) dengan kerangka Kristeva (1980). Di Malaysia, kajian mengenai wacana kepimpinan dilakukan Idris Aman (2001; 2004; 2006; 2008; 2011, 2014). Beliau merupakan perintis pengkaji wacana kepimpinan dengan pendekatan AWK di Malaysia. Sampai ke tahun 2021, jenis wacana kepimpinan masih menjadi tren penyelidikan dengan pendekatan AWK di Malaysia dan luar Malaysia. Kajian Idris tidak memberi tumpuan pada intertekstualitinya sahaja. Idris menganalisis wacana kepimpinan berdasarkan AWK Fairclough. Kajian Idris (2008) mengenai bahasa dan kuasa dalam pilihan raya pula lebih menumpukan penggemblengan bahasa dan kuasa Barisan Nasional dalam pilihan raya umum Malaysia ke-11.

Seterusnya Rohaidah (2016) mengkaji bahasa dan identiti wacana Mohd. Najib Razak dengan pendekatan AWK Fairclough (1992). Mazlan et al. (2021) mengkaji ideologi kepimpinan dalam ucapan Dato' Seri Najib Tun Abdul Razak dengan kerangka AWK Fairclough (1992, 1995, dan 2003). Manakala Mohamad Fitri et al. (2015) menganalisis intertekstualiti dengan pendekatan AWK Fairclough (1989, 1992, 1995) dalam wacana Muamalat iaitu ucapan pernyataan pengerusi dan teks ulasan Operasi Pengarah Urusan Bank Islam Malaysia Berhad. Seterusnya terdapat kajian terdahulu yang menganalisis wacana kepemimpinan di pengajian tinggi dengan pendekatan AWK, iaitu Nurafiq dan Zulhamri (2019). Pengkaji menumpukan analisis pada penggunaan peranti linguistik dan semiotik melalui naratif korporat dalam penghasil wacana pernyataan pengerusi pengarah Universiti Teknologi Mara (UTM).

Terdapat kelompangan pada kajian lepas yang memberi tumpuan pada praktis kepimpinan, iaitu belum menginterpretasi praktik diskursif secara mendalam dan menjelaskan praktis kepimpinan melalui bahasa Melayu yang digunakan pewacana. Kajian lepas belum memberi tumpuan mendalam kepada analisis intertekstualiti, terutamanya pada aspek metawacana. Oleh itu, kajian ini akan menambah baik dan melengkapi kajian terdahulu dengan memanfaatkan pendekatan AWK untuk menganalisis penggunaan bahasa Melayu dan kepimpinan sebagai kajian intertekstualiti secara berpada. Kajian ini akan membincangkan intertekstualiti berkenaan dengan interpretasi linguistik iaitu dengan medium bahasa Melayu sebagai alat bertutur yang digunakan oleh pewacana. Kajian ini mengabaikan ciri paralinguistik, seperti lagu bahasa, tekanan suara, nada, kepanjangan bunyi, gerak-gerik mata, dan tangan pewacana. Sebagai sebuah kajian wacana, kajian dijalankan dengan tidak membezakan antara wacana lisan dan wacana tulisan (kajian pada buku, teks berita, dan lain-lain). Sebagaimana dalam Noor (2010) bahawa apabila ingin membuat kajian tentang ucapan seorang pemimpin, sudah semestinya ucapan tersebut ditranskripsikan. Maknanya, kajian bukan lagi terhadap wacana lisan tetapi juga wacana tulisan. Analisis dan kajian wacana perlu disebut secara umum tanpa membataskan pengertian kedua-dua jenis wacana tersebut.

3. Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif dan kaedah analisis kandungan teks. Analisis kandungan teks adalah kaedah kajian bagi menganalisis data berupa dokumen dan teks temu bual (Hsieh & Shannon, 2005). Analisis kandungan teks merangkumi aktiviti membaca, meneliti, memilih dan menyaring teks yang dikenal pasti sebagai bahan penyelidikan (Creswell, 2014). Kaedah kandungan dalam kajian ini melibatkan tiga siri teks ucapan "Sejenak Minda Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)" sebagai data wacana sebagaimana dalam jadual 1 berikut.

Jadual 1 Data Wacana Ucapan Sejenak Minda Naib Canselor UKM

Nombor	Data	Tema	Tarikh	Jumlah Ujaran	Kod Data
Teks 1	Siri 1	TERAS Jiwa UKM	10 Februari 2021	57	T1.1-T1.57 (teks satu ujaran nombor satu hingga teks satu, ujaran nombor lima puluh tujuh).
Teks 2	Siri 10	UKM di Persada Antarabangsa	14 Februari 2022	46	T2.1-T2.46 (teks dua ujaran nombor satu hingga teks dua, ujaran nombor empat puluh enam),
Teks 3	Siri 14	Penyelidikan Berinovasi Merentasi	19 Januari 2023	67	T3.1-T3.67 (teks tiga, ujaran nombor satu) hingga teks tiga, ujaran nombor enam puluh tujuh).

Ucapan "Sejenak Minda Naib Canselor UKM" pada semua siri ditayangkan melalui *YouTube* UKM dan *Facebook* UKM. Pemilihan data secara pensampelan bertujuan *(purposive sampling)* kerana dalam penyelidikan kualitatif ini akan dikenal pasti dan dipilih kes yang kaya dengan maklumat berkaitan TERAS UKM, UKM di persada antarabangsa, dan bahasa Melayu untuk penggunaan sumber terhad yang paling berkesan (Patton, 2014), dalam Siri 1, 10 dan Siri 14. Data wacana dikumpulkan melalui kaedah rakaman, kemudian ditranskripsi sehingga menghasilkan 170 ujaran. Bagi memudahkan dalam menganalisis dan perbincangan, pengodean dilakukan pada data wacana sebagaimana dalam Jadual 1. Digunakan pula data sokongan daripada dokumen buku *Pelan Strategik TERAS UKM 2021-2025* yang dilancarkan 4hb Januari 2022. Selain itu, digunakan pula dokumen sokongan *Pelan Pengurusan Langkawi Geopark 2012-2030*. Data sokongan diperlukan kerana kandungan ucapan Naib Cancelor UKM terkait dengan perbincangan TERAS UKM dan Pusat Penyelidikan Langkawi.

Kajian ini bersandarkan kerangka teori Analisis Wacana Kritis (AWK) Fairclough (2013) yang melihat wacana berdasarkan tiga dimensi, iaitu dimensi tekstual, praktik diskursif, dan praktis sosial. Dalam analisis tekstual diperihal ciri-ciri teks yang merangkumi struktur teks, tautan, nahu, leksikalisasi. Analisis praktik diskursif menginterpretasikan hubungan antara teks dengan teks lain dalam bentuk intertekstualiti, interdiskursiviti, transformasi dan ketersebaran wacana. Manakala analisis praktis sosial bertujuan menjelaskan hubungan dialektikal antara praktik diskursif dengan konteks sosial, kaitan teks dengan sosiobudaya. Kajian ini hanya memberi tumpuan analisis data pada dimensi praktik diskursif, iaitu pada intertekstualiti dan ditumpukan lagi pada aspek metawacana sehingga dapat menjelaskan penggunaan bahasa Melayu dan praktis sosial kepimpinan di dalam wacana "Sejenak Minda Naib Canselor UKM". Aspek metawacana dalam kajian ini ditumpukan pada analisis teks melalui penegasan sumber teks lain yang dimanfaatkan pewacana, metafora, parafrasa, serta pantun dalam ucapan Naib Canselor (Fairclough, 1992).

4. Analisis dan Perbincangan

Bahasa Melayu dan kepimpinan dalam ucapan "Sejenak Minda Naib Canselor UKM" diperlihatkan melalui kajian intertekstualiti pada aspek metawacana. Penggunaan metawacana dalam bahasa Melayu pada kajian wacana ini didapati menunjukkan kearifan, keindahan, kehalusan budi,

kesantunan, kejelasan maklumat dan keagamaan sebagai seorang pemimpin. Kesemua perkara ini dibuktikan dengan adanya penggunaan metawacana seperti kosa kata agama Islam, kosa kata bahasa Inggeris, metafora, sudut pandang pewacana sebagai orang pertama dan model/teladan yang baik bagi warga UKM, serta serangkap pantun dalam bahasa Melayu sebagai penutup wacana kepimpinan. Penggunaan metawacana dalam bahasa Melayu berfungsi melalui penegasan sumber teks lain, metafora/peribahasa, pantun, serta parafrasa digunakan pewacana bagi memperhalus bahasa Melayu yang disampaikan sehingga mengandungi matlamat yang sangat indah didengar khalayak dan sepatutnya akan lebih diterima warga UKM dalam bahasa Melayu yang berkesan. Seterusnya akan dihuraikan beserta contoh kajian intertekstualiti dalam aspek metawacana daripada data wacana ucapan Naib Canselor UKM berikut.

a. Penegasan Sumber Teks Lain

Metawacana dalam intertekstualiti wacana kepimpinan "Sejenak Minda Naib Canselor UKM" diungkapkan pewacana dalam bahasa Melayu yang melibatkan kosa bahasa lain, yang disampaikan sebagai penegasan sumber teks lain kepada warga UKM. Dalam ucapannya, pewacana memanfaatkan kosa kata agama Islam (kosa bahasa Arab) untuk memulakan ucapan serta dalam jalinan ucapannya. Pewacana melibatkan pula penegasan sumber teks lain daripada kosa bahasa Inggeris. Contoh penegasan sumber teks lain melalui kosa kata agama Islam dan bahasa Inggeris dapat dilihat pada contoh berikut.

(T1.1) *Bisimillahirahmanirahim* segala puji bagi *Allah Subhanahu wata'ala* dengan segala *rahmat* dan *inayah* dapat kita bersama kali ini dalam Sejenak Minda Naib Canselor yang pertama

(T2.1) *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* kepada semua hadirin dan pendengar Sejenak Minda yang saya hormati sekalian.

(T3.1) *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*, salam sejahtera, salam perpaduan, dan salam Universiti Watan.

(T2.7) Untuk pihak Pakarunding pun, kita telah berjaya meneroka terutamanya di Kawasan *Middle East and North Africa* atau dikenali sebagai MENA bagi projek-projek melibatkan *oil and gas*, dan juga yang melibatkan pemindahan teknologi dalam bidang *ICT*.

(T1.8) Saya mahukan semangat TERAS dapat diserap oleh semua warga UKM yang meliputi dengan izin *talent, agile, ethics, revitalize, and soul* secara holistik

(T1.10) Di antara program hebat yang berlangsung di UKM adalah APEC Webinar dan dengan izin *home industry academia goverments, colaborations, on alternative re-enviroments projects for aging population and innovation employeement management model* anjuran Fakulti Pendidikan yang melibatkan 21 economi di bawah APEC dan juga majelis menandatangani Memorandum Persefahaman antara UKM dan *Female Entrepreneur World Wide* di bawah Pusat Kepimpinan Wanita yang telah dihadiri oleh YB Datuk Seri Noraini Ahmad Menteri Pengajian Tinggi.

(T2.12) *Alhamdulillah* UKM mempunyai inisiatif tersendiri bagi memastikan bahawa kita bersama-sama dengan Kementerian Pengajian Tinggi dan juga kementerian yang terlibat bagi menangani masalah terutamanya di selepas banjir berlaku.

(T2.15) Namun, saya secara pribadi mengucapkan syukur *Alhamdulillah* kerana di atas inisiatif terutamanya daripada PTJ-PTJ yang terlibat, daripada alumni, pihak fakulti, pihak institut, berganding bahu untuk sama-sama membantu untuk meringankan beban mereka yang terkesan dengan bencana banjir ini

(T2.20) Hai, *Assalamualaikum warahmatullohita'ala wabarakatuh*, dan salam sejahtera semua.

(T2.28) Apa yang menarik dalam *Expo* Dubai ini juga beberapa aktiviti yang melibatkan forum, melibatkan seminar, *pocket talks*, juga telah dilaksanakan melibatkan beberapa pengurusan tertinggi di UKM, juga daripada universiti-universiti awam yang lain.

(T3.10) Hebatnya makmal ini seringkali menjadi tempat rujukan kilang-kilang ternama di Malaysia dan luar negara seperti *The United Arab Emirates* bagi tujuan menguji *sound power* atau kebisingan produk yang dikeluarkan oleh mereka.

(T3.22) Kalau nak tahu sebanyak 40 unit kaki palsu yang berkualiti tinggi telah disumbangkan kepada pesakit dalam golongan B40 yang memerlukan menerusi pembiayaan dana

Malaysia Social Inovation atau MYSI di bawah Kementerian Sains dan Teknologi.

(T3.36) Jadinya sekali lagi saya nak cabar semua penyelidik di luar sana janganlah kita buat penyelidikan jangan *show off* sendiri semata-mata

(T2.30) Pengurusan utama sangat memberikan peluang kepada semua untuk sama-sama menjayakan apa yang telah kita pun pelopori di bawah *MoU* dan juga *InsyaAllah* di bawah *MoA* yang bakal dilaksanakan pada tahun hadapan.

(T2.33) *InsyaAllah* pada tahun hadapan UKM berhasrat untuk menubuhkan apa yang dipanggil sebagai *Qatar UKM International Campus*.

(T2.34) Hasrat Kementerian Pengajian Tinggi bagi memastikan *Expo* 2020 menghasilkan pulangan hingga 500 juta dengan pelajar antarabangsa sehingga 250 ribu bagi tempoh lima tahun, *InsyaAllah* boleh dicapai.

(T3.3) Pastinya tahun ini menjanjikan banyak cabaran tapi *InsyaAllah* kami semua di Universiti Kebangsaan Malaysia bersedia untuk mendepani segala cabaran untuk membawa universiti ini ke persada antarabangsa.

(T3.35) Hah…dekat sini jangan kata UKM yang tak payung yah, semua keperluan dah kami sediakan, bergantung kepada kita penyelidik untuk memanfaatkannya, *InsyaAllah.*

(T3.67) Semoga para penyelidik tersohor UKM tidak pernah lelah mengorak langkah dalam mencipta inovasi terkehadapan, mencari penyelesaian kepada pelbagai isu dan permasalahan melalui penyelidikan merentasi pelbagai ilmu dan juga sempadan, *InsyaAllah.*

Pada data (T2.1), (T3.1), (T2.12), (T2.15), (T2.20), (T2.30), (T2.33), (T2.34), (T2.35), (T3.67), pewacana memanfaatkan kosa bahasa Arab *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Assalamualaikum warahmatullahita'ala wabarakatuh, Alhamdulillah, InsyaAllah*, untuk menegaskan maklumat yang disampaikan. Kosa kata agama Islam ini menunjukkan identiti pewacana yang sememangnya beragama Islam. Dalam konteks kajian ini, sebagai seseorang yang beragama Islam, pewacana mempraktikkan amalan atau pembacaan kosa kata agama Islam sebelum (saat pengenalan) dan semasa ucapannya agar majlis "Sejenak Minda Naib Canselor UKM" mendapat barakah. Dalam budaya masyarakat Melayu Islam, seseorang akan menyampaikan salam pembuka dalam bahasa Arab dalam sesebuah majlis rasmi. Demikian pula pewacana, mengamalkan pula hal tersebut dengan memanfaatkan kosa bahasa Arab (kosa kata agama Islam) di dalam ucapannya.

Pada teks 1 dan 3, pewacana memanfaatkan kosa bahasa Inggeris *talent, agile, ethics, revitilize, and soul* pada (T1.8)*; home industry academia goverments, colaborations, on alternative re-enviroments projects for aging population and innovation employeement management model* pada (T1.10); *The United Arab Emirates* dan *sound power* pada (T3.10) , *Malaysia Social Inovation* pada (T3.22), serta *show off* pada (T3.36) untuk lebih menjelaskan dan menekankan mengenai maklumat dalam maksud ujarannya. Manakala pada data (T2.7), ((T1.8), (T1.10), (T3.22), (T2.28), (T2.30), (T2.33), (T2.34), (T3.36), pewacana memanfaatkan kosa bahasa Inggeris untuk menegaskan dan menekankan maklumat ucapannya mengenai Expo 2020 Dubai, seperti *Middle East and North Africa* (MENA), *oil and gas,* ICT, *Qatar* UKM *International Campus, Expo 2020* pada teks 2. Di dalam masyarakat yang berbilang bahasa, tidak dapat dinafikan seseorang akan memiliki kecenderungan melakukan *code mixing* atau penukaran kod (*code swiching*), sebagaimana pewacana yang berbahasa utama bahasa Melayu turut pula memasukkan unsur-unsur kosa bahasa lain ke dalam ucapannya, iaitu bahasa Inggeris. Perkara ini disokong pula dalam kajian Nuradibah Asbullah et al. (2017) bahawa fenomena penukaran kod di Malaysia ketika berkomunikasi bukan lagi sesuatu perkara yang asing sehingga menjadi kebiasaan masyarakat dan komuniti. Masyarakat Malaysia yang kebanyakannya menguasai sekurang-kurangnya dua bahasa (bilingual dan multilingual) pasti cenderung untuk menukarkan kod atau mencampurkan bahasa semasa mereka berkomunikasi (Hazlina Abdul Halim, 2012). Demikianlah Naib Canselor UKM tidak dapat terhindar daripada melakukan penukaran kod sama ada perkataan atau frasa bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris di dalam ucapannya. Penggunaan penegasan sumber teks daripada kosa bahasa Inggeris ini sedikit sebanyak menunjukkan praktis kepimpinan pewacana yang bijak dan berpendidikan, serta menguasai bahasa Inggeris.

b. Parafrasa

Pernyataan semula jenis parafrasa merupakan pengulangan tentang apa yang terkandung dalam pernyataan terdahulu (Borderia, 2001). Dalam kajian Norhayati (2019) dijelaskan bahawa proses penting yang menandakan hubungan parafrasa adalah pengulangan rujukan yang terdapat dalam segmen pertama ke dalam segmen yang kedua. Parafrasa ditunjukkan sama ada melalui pengurangan dengan ciri semantik maklumat sumber dipendekkan/diringkaskan; dengan pengembangan maklumat yang diubahsuai (dinyatakan semula) sehingga memiliki ciri semnatik lebih tinggi daripada kenyataan sumbernya; atau dengan variasi yang tidak termasuk jenis parafrasa pertama dan kedua (Gulich & Kotschi, 1983 dalam Norhayati, 2019).

Bahasa Melayu dan kepimpinan dalam ucapan Naib Canselor UKM ini dapat dilihat melalui metawacana yang berfungsi melalui parafrasa daripada sumber teks lain, seperti dari buku *Pelan Strategik TERAS UKM* serta dokumen sejarah Pusat Penyelidikan Langkawi. Dalam ucapannya, pewacana memanfaatkan kedua-dua rujukan tersebut dan diparafrasakan ke dalam jalinan bahasa Melayu yang jelas dan berkesan. Dalam konteks ucapan "Sejenak Minda Naib Canselor UKM", pewacana pula memanfaatkan jenis parafrasa dengan meringkaskan sumber aselinya (daripada buku *Pelan Strategik TERAS UKM* dan Sejarah Pusat Penyelidikan Langkawi), pengembangan daripada kenyataan sumbernya, serta variasi kedua-duanya. Perkara tersebut dapat dilihat pada data ucapan Siri 1, 10, dan 14 berikut.

(T2.3) Pada hari ini saya berada di *Pusat Penyelidikan Langka*wi yang mana ianya *menempatkan galeri ataupun muzeum yang mempunyai pelbagai khazanah negara khususnya di Langkawi* ini
(T2.4) *Pusat ini ditubuhkan semenjak tahun 2013 di bawah Pusat Penyelidikan Langkawi yang sekarang ini diterajui oleh Profesor Madya Doktor Sharina*.
(T2.6) *Di sinilah* sebenarnya *banyaknya khazanah menempatkan* bukan sahaja dari segi *flora dan fauna*, tetapi *juga fosil-fosil purba yang dijumpai di sekitar pulau legenda ini.*
(T2.7) Di sebelah saya ini sebenarnya adalah *salah satu daripada fosil purba yang dipanggil sebagai Trilobite berusia hampir 500 juta tahun*.

Data (T2.3), (T2.3), (T2.6), dan (T2.7) merupakan serangkaian parafrasa yang digunakan pewacana dengan jenis meringkaskan dan mengembangkan daripada sumber aselinya di Galeri Pusat Penyelidikan Langkawi. Pada data (T2.3), pewacana mengembangkan maklumat aseli mengenai Pusat Penyelidikan Langkawi sebagai galeri atau muzeum yang mempunyai pelbagai khazanah negara khususnya di Langkawi. Manakala pada data (T2.4), (T2.6), dan (T2.7), pewacana memendekkan atau meringkaskan maklumat daripada sumber aselinya mengenai sejarah penubuhan Pusat Penyelidikan Langkawi dan fosil-fosil purba yang ada di Langkawi.

(T1.8) Saya mahukan semangat *TERAS* dapat diserap oleh semua warga UKM *yang meliputi dengan izin talent, agile, ethics, revitalize, and soul secara holistik*
(T1.25) Apabila menyebut tentang *pengkomersialan nilai* dengan izin *ethics* atau etika *adalah komponen TERAS yang perlu dititikberatkan karena pattern memerlukan ketelusan dalam mendaftarkan IP, harta intelek, dan seterusnya tiada plagiat dalam melahirkan atau menzahirkan inovasi*
(T2.31) *Selaras dengan Pelan Strategik TERAS, UKM* komited untuk terus mempromosikan kepakaran dan kehebatan UKM di persada antarabangsa.
(T2.39) Kita hendak memastikan agenda pengantarabangsaan terus menjadi agenda utama *selari dengan TERAS Universiti Kebangsaan Malaysia*.

Data (T1.8), (T1.25), (T2.31), dan (T2.39) saling berkaitan membincangkan maklumat tentang TERAS UKM. Dalam ucapannya, pewacana memanfaatkan parafrasa dengan cara meringkas maklumat aselinya dengan mengemukakan semangat TERAS iaitu ***T**alent, **E**thics, **R**evitalize, **A**gile,* dan ***S**oul* secara holistik agar diserap warga UKM pada data (T1.8). Manakala pada data (T1.25) pewacana mengembangkan maklumat daripada komponen TERAS mengenai pengkomersialan nilai

etika, iaitu pada ketelusan dalam mendaftarkan IP, harta intelek, dan tiada plagiat dalam melahirkan inovasi. Seterusnya data (T2.31) dan (T2.39) pewacana merujuk pada Pelan Strategik TERAS UKM mengenai komited UKM dalam mempromosikan kepakaran dan kehebatan UKM di persada antarabangsa, serta memastikan agenda pengantarabangsaan sebagai agenda utama. Parafrasa dilakukan dengan mengembangkan penerangan tentang kandungan Pelan Strategik TERAS UKM dengan program terkait UKM di persada antarabangsa.

Dalam kajian ini, pewacana memiliki kemahiran dalam mengolah dan mengemas kutipan sehingga dikemukakan dengan berkesan dalam ucapannya. Sebagai seorang pemimpin universiti, Naib Canselor UKM turut pula memaklumkan kandungan *Pelan Strategik TERAS UKM 2021-2025* melalui ucapannya. Pewacana memanfaatkan parafrasa dalam bahasa Melayu untuk menjelaskan maklumat demi memudahkan warga UKM dalam memahami kandungan ucapan yang disampaikan. Menurut Tan, et al. (2012) pewacana perlu mengambil perhatian bagi kebolehsampaian dan kebolehfahaman idea dan mesej di kalangan sasaran. Hal tersebut merupakan salah satu strategi wacana atau cara yang digunakan pewacana Naib Canselor UKM dalam ucapan yang diujarkan sebagai seorang pemimpin. Maknanya, pewacana telah pula mengambil kira strategi wacana dalam ucapan Sejenak Minda melalui penghasilan teks baharu yang memudahkan pemahaman Warga UKM serta mencapai kebolehsampaian dan kebolehfahaman idea dan mesej sebagaimana termuat dalam Pelan Strategik TERAS UKM 2021-2025. Perkara tersebut sedikit sebanyak juga menunjukkan praktis kepimpinan pewacana melalui pemanfaatan parafrasa dalam bahasa Melayu.

c. Metafora

Pewacana memanfaatkan pula metafora dalam ucapan "Sejenak Minda Naib Canselor UKM". Metafora yang dimanfaatkan pewacana dalam kajian ini menjadikan ucapannya menjadi lebih jelas, efektif, dan mudah difahami warga UKM. Penggunaan metafora pewacana juga bersesuaian dan mudah difahami khalayak. Asmah (2000) menganggap metafora sebagai bunga bahasa yang memberikan sifat atau ciri sesuatu kepada sesuatu yang lain. Pemanfaatan metafora dalam data ucapan "Sejenak Minda Naib Canselor UKM" Siri 1, 10, dan 14 dapat dilihat dalam contoh berikut.

(T2.15) Namun, saya secara peribadi mengucapkan syukur Alhamdulillah kerana di atas inisiatif terutamanya daripada PTJ-PTJ yang terlibat, daripada alumni, pihak fakulti, pihak institut, *berganding bahu* untuk sama-sama membantu untuk meringankan beban mereka yang terkesan dengan bencana banjir ini.

(T2.42) Pusat Penyelidikan Langkawi adalah antara pusat penyelidikan yang berjaya untuk melahirkan lebih ramai penyelidik dalam bidang-bidang yang berkaitan dan juga menjadi *tulang belakang* kepada pembangunan Langkawi Geoforest Park yang menjadi pusat penyelidikan tersohor di dunia

(T2.43) Saya secara peribadi mengucapkan terima kasih kepada Doktor Sharina, Doktor Kim, Encik Nik, dan Encik Nazir, yang menjadi *tulang belakang* kepada pusat penyelidikan ini.

(T1.49) Saya amat mengambil berat kebolehpasaran graduan atau GE dan akan menjadi satu agenda *UKM yang merupakan nadi dalam sesebuah institusi pengajian tinggi*.

(T1.55) Saya percaya dengan *TERAS yang kuat digenggam sebagai jiwa UKM* oleh seluruh warga UKM, ianya pasti menjadi kenyataan.

(T3.49) Selama 53 tahun kita *bertempur dalam arena akademik antarabangsa*, kita dah beri sumbangan pelbagai bentuk kepada negara.

Metafora yang terdapat di dalam wacana kepimpinan ini pada data (T2.15) merupakan peribahasa 'berganding bahu' yang maknanya "bekerjasama, tolong-menolong". Terdapat pula metafora 'tulang belakang' pada data (T2.42) dan (T2.43) yang maknanya ialah "orang atau sesuatu yang menjadi sumber atau pusat kekuatan atau tenaga (sesuatu perkumpulan, pertubuhan, dan lain-lain)" menurut *Kamus Dewan Bahasa Melayu Online*. Dalam kajian ini 'tulang belakang' pada data (T2.42) bermakna Pusat Penyelidikan Langkawi sebagai sumber dari pembangunan Langkawi Geoforest Park. Data (T2.45) bermakna bahawa Doktor Sharina, Doktor Kim, Encik Nik, dan Encik Nazir ialah pusat kekuatan atau tenaga kepada Pusat Penyelidikan Langkawi.

Seterusnya pada data (T1.49), (T1.55), dan (T3.49) terdapat metafora pada perkataan ‘nadi’, ‘digenggam’ ‘jiwa’, dan ‘bertempur’. Dalam *Kamus Dewan Bahasa Melayu Online,* ‘nadi’ sebagai metafora dimaknai sebagai “unsur atau faktor yang menjadi asas penggerak utama kepada sesuatu (kegiatan, pergerakan, perkembangan, dll)”. Dalam konteks ucapan Naib Canselor, pada data (T1.49), kebolehpasaran graduan menjadi satu agenda UKM sebagai asas penggerak utama sesebuah institusi pengajian tinggi. Manakala ‘jiwa’ dalam *Kamus Dewan Bahasa Melayu Online* bermakna “nyawa, roh (yang ada dalam tubuh manusia)” dan ‘genggam’ bermakna “kepalan tangan, cengkaman tangan untuk memegang.” Namun, oleh kerana merupakan metafora, dalam konteks data (T1.55) yang dimaksudkan pewacana ialah bahawa TERAS UKM bagaikan ‘nyawa’ yang mesti kuat dicengkam oleh seluruh warga UKM. Manakala dalam data (T3.49) terdapat metafora ‘bertempur dalam arena akademik antarabangsa’ dalam konteks ucapan Naib Canselor ini merujuk pada makna berlaga dan berjuang dalam bidang akademik di persada antarabangsa selama 53 tahun dalam pelbagai bentuk kepada negara.

Menurut Rohaidah (2016), metafora menjadikan bahasa yang digunakan bersifat lebih bervariasi dan rencam berbanding dengan penggunaan bahasa yang biasa sifatnya. Metafora merupakan bahasa figuratif yang berkomunikasi secara analogi. Demikian pula Naib Canselor UKM berkomunikasi dengan warga UKM secara analogi memanfaatkan metafora dalam bahasa Melayu sehingga menjadikan ucapannya bervariasi dan rencam, namun tetap mudah dipahami. Gaya berkomunikasi pewacana dengan memanfaatkan metafora bahasa Melayu ini pula sedikit sebanyak menunjukkan praktis kepimpinan.

d. Pantun

Metawacana yang digembleng dalam ucapan “Sejenak Minda Naib Canselor UKM” ialah bersumber dari pemilihan pantun dalam bahasa Melayu. Pewacana mengemukakan pantun dua kerat dan empat kerat mengikut konteks, selari dengan topik dan kandungan ucapan yang disampaikan kepada khalayak, warga UKM. Konteks yang dimaksudkan dalam data wacana ialah mengenai UKM sebagai universiti Watan yang berasaskan TERAS UKM dan UKM di persada antarabangsa melalui program Expo Dubai 2020 sebagaimana pada contoh data (T1.57), (T2.35), dan (T2.45) berikut.

(T1.57) *Hilir kolek mudik ke tepian*
Ditiup bayu merentas muara
Universiti kita universiti watan
Terasnya adalah untuk semua
(T2.35) *Dari IPOH ke seberang Perai,*
Expo Dubai 2020 melabuhkan tirai.
(T2.45) *Dari mana hendak ke mana*
Dari Bangi hendak ke Dubai
Meski pandemik datang melanda
Pengantarabangsaan jangan diabai

Intertekstualiti metawacana menerusi pemanfaatan pantun dan teks lain ini digunakan secara konsisten dalam siri 1 dan 10 ucapan “Sejenak Minda Naib Canselor UKM”. Sangatlah jelas bahawa pewacana memperkatakan perihal *Pelan Strategik TERAS UKM* serta maklumat dalam ucapannya menggunakan bahasa Melayu secara tersirat ataupun tersurat. Secara tersirat bermakna maklumat yang hendak disampaikan pewacana ‘telah terkandung/tersembunyi’ *(Kamus Dewan Bahasa Melayu Online)* di dalam pantun. Manakala secara tersurat bermakna apa-apa maklumat yang disampaikan pewacana telah dinyatakan secara jelas atau ‘telah ditulis/tercatat’ (*Kamus Dewan Bahasa Melayu Online)* dalam ucapannya. Pada data (T2.35) secara tersirat Naib Canselor UKM dalam pantun dua kerat mengemukakan bahawa Expo Dubai 2020 melabuhkan tirai. ‘Melabuhkan tirai’ dalam konteks ucapan pewacana ialah bahawa Expo Dubai 2020 telah selesai dijalankan. Manakala maklumat yang disampaikan secara tersurat terlihat pada data (T2.45) bahawa meskipun pandemik Covid-19 datang melanda, program pengantarabangsaan tidak boleh diabai, tetap menjadi perhatian.

Pewacana memanfaatkan pantun dua kerat dengan topik Expo Dubai 2020 pada data (T2.35) dan pantun empat kerat pada data (T2.45) mengikut topik utama "UKM di Persada Antarabangsa" sebagai penutup ucapan dalam wacana kepimpinan ini. Pewacana memanfaatkan pantun Melayu kerana di kalangan masyarakat Melayu, pantun mengandungi makna dan falsafah yang sangat baik bagi mewakili maklumat yang hendak disampaikan. Dalam Norazimah Zakaria (2017) dinyatakan pula bahawa tunjuk ajar dalam pantun Melayu dapat mewariskan nilai jati diri dalam kalangan masyarakat bermula daripada peringkat kanak-kanak sehinggalah dewasa. Akal budi Melayu dalam pantun menggambarkan pemikiran di sebalik keindahannya dan menjadi cermin jati diri pewacana sebagai bahagian daripada bangsa Melayu.

Secara amnya, metawacana dalam intertekstualiti yang digunakan pewacana dalam "Sejenak Minda Naib Canselor UKM" bersifat akademik kerana memanfaatkan metawacana sehingga tetap didaktik dan mengandungi bahasa Melayu yang tidak kaku. Metawacana yang dikemukakan pewacana dalam bahasa Melayu dibina untuk memudahkan warga UKM memahami kandungan ucapan "Sejenak Minda Naib Canselor UKM" ini.

Berdasarkan dapatan metawacana dalam analisis intertekstualiti wacana kepimpinan "Sejenak Minda Naib Canselor UKM" dalam bahasa Melayu ini, dapat diinterpretasikan adanya keaktifan pewacana dalam proses penghasilan ucapannya. Keterlibatan aktif pewacana ini merupakan manifestasi sikap kepedulian, komited, dan prihatin pewacana terhadap khalayak, iaitu warga UKM dan bagi kemajuan UKM sesuai matlamat di dalam *Pelan Strategik TERAS UKM*. Pewacana tidak lepas tangan dalam penyediaan teks ucapan "Sejenak Minda Naib Canselor UKM" ini. Hal ini diperkukuhkan dengan keterlibatan pewacana dalam aktiviti Expo Dubai 2020, lawatan ke Pusat Penyelidikan Langkawi, serta keterlibatan pewacana dalam membantu mangsa banjir sebagai kandungan dalam jalinan teks ucapan "Sejenak Minda Naib Canselor UKM" ini. Perkara ini dibuktikan pula melalui rakaman video "Sejenak Minda Naib Canselor UKM" menerusi *facebook* UKM dan *Youtube* UKM.

5. Kesimpulan

Berdasarkan penjelasan terhadap bahasa Melayu dan kepimpinan dalam ucapan Naib Canselor UKM sebagai analisis intertekstualiti pada aspek metawacana, dapat disimpulkan bahawa penggunaan bahasa Melayu sangat mempengaruhi kualiti kepimpinan pewacana. Bahasa Melayu dan kepimpinan dalam kajian ini membayangkan bahawa wacana kepimpinan ini dibentuk dan dikekang oleh struktur sosial yang melatarinya sehingga pewacana sebagai pemimpin menghasilkan wacana sedemikian rupa. Struktur sosial ini menghendaki Naib Canselor berkomunikasi dan berinteraksi dengan warga UKM dalam kewajaran melaporkan, menjelaskan, mempertahankan *Pelan Strategik TERAS UKM* dengan menggunakan bahasa Melayu yang tepat sasaran, indah, dan berkesan dibuktikan dengan pemanfaatan intertekstualiti dalam bentuk metawacana. Metawacana dalam wacana kepimpinan ini berfungsi melalui penyisian maklumat, penegasan sumber teks lain yang dimanfaatkan pewacana, pemanfaatan metafora, dan penggunaan para frasa.

Analisis intertekstualiti melalui metawacana sebagai bahagian daripada praktik diskursif dalam ucapan Naib Canselor UKM dengan bahasa Melayu ini sedikit sebanyak merepresentasikan praktis kepimpinan orientasi khalayak yang terselindung di dalam wacana. Praktis kepimpinan yang terselindung ini membayangkan cara kepimpinan Naib Canselor UKM, iaitu cara beliau bertindak terhadap warga UKM sebagai cara representasi. Keberjayaan intertekstualiti berpunca pada komunikasi dalam bahasa Melayu di antara pewacana dan khalayaknya. Aspek kekerapan dan situasional dapat memberi sumbangan besar kepada teks yang berkaitan dengan teks lain pada wacana kepimpinan yang sama dan menjadi perhatian daripada khalayak (warga UKM) yang mempunyai latar situasi yang sama yang dibuktikan dengan ucapan Sejenak Minda secara bulanan oleh Naib Canselor UKM. Aspek kekerapan dan situasional ini sebagaimana dikemukakan oleh Posner (1980) dalam Rohana dan Syamsuddin (2015).

Kajian ini berjaya menambah baik dan melengkapi kajian terdahulu yang belum secara berpada menganalisis intertekstualiti, terutamanya metawacana dengan memanfaatkan pendekatan AWK untuk menginterpretasi dan menjelaskan praktik diskursif melalui bahasa Melayu dan praktis kepimpinan. Diharapkan kajian ini dapat memberikan sumbangan ilmu linguistik dan masyarakat mengenai penggunaan bahasa Melayu melalui wacana kepimpinan kepada khalayak. Tambahan pula, kajian ini sebagai upaya untuk memanfaatkan pendekatan analisis wacana kritis melalui kerangka teori Fairclough sebagai salah satu upaya melestarikan kajian wacana kepimpinan secara kritis di Malaysia.

Penghargaan

Kajian ini telah dibentangkan pada Seminar Linguistik Kebangsaan 2022 (SLiK 2022) di Pusat Penyelidikan Langkawi, 21-22 September 2022. Penulis ingin merakamkan setinggi-tingginya penghargaan dan ucapan terima kasih atas cadangan dan pandangan yang diberikan bagi memurnikan lagi kajian ini. Kajian ini mendapat geran daripada Tabung Agihan Penyelidikan (TAP-K006754) Universiti Kebangsaan Malaysia.

Rujukan

Abdul Rahman Napiah. (1991). *Tuan-Jebat dalam drama Melayu: satu kajian intertekstualiti.* Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Akta Pendidikan 1996 dan Peraturan Pendidikan Malaysia. *www.academia.edu*. Diakses pada 27hb Januari 2022.

Ali Imron Al Ma'ruf. (2005). Intertekstualitas puisi. *Kajian Linguistik dan Sastra*, 17(32), 75-87.

Asmah Hj Omar. (2000). *Wacana perbincangan, pembahasan, dan perundingan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Asmah Hj Omar. (2015). *Nahu Melayu mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Bloome, D., & Ann Egan-Robertson. (1993). The social construction of intertextuality in classroom reading and writing lessons. *Reading Research Quarterly*, 28(4) (Oct.-Nov.-Dec., 1993), 304-333.

Creswell, John W. (2014). *Research design: qualitative, quantitative, and mixed methods approaches 4th ed.* Thousand Oaks, California, SAGE Publications.

Dewan Bahasa dan Pustaka. 2017. *Kamus Dewan bahasa Melayu edisi keempat online*. Diakses daripada https://prpm.dbp.gov.my.

Dirham. (2019). Gaya kepemimpinan yang efektif. *Dinamis-Journal of Islamnic Management and Bussines*, 2(1) April 2019, 1-8.

Fairclough, Norman. (1992). *Discourse and social change.* Cambridge: Polity Press.

Fairclough, Norman. (1995). *Critical discourse analysis: the critical study of language.* Newyork: Longman.

Fairclough, Norman. (2013). *Critical discourse analysis the critical study of language. second edition*. London: Routledge.

Fairclough, N., & Wodak, R. (1997). Critical discourse analysis. In T. van Dijk (Ed.) *Discourse studies: a multidiscplinary introduction* (2, 258-284). London: Sage.

Halliday, M.A.K. 2003. On language and linguistics. In *The Collected Works* of M.A.K. Halliday (3, 436). London: Continuum.

Hazlina Abdul Halim. (2012). Pengaruh bahasa Melayu dan bahasa Inggeris dalam strategi penukaran kod bahasa Perancis. *Gema Online Journal of Language Studies*, 12(2), 693-709.

Holladay, S. J., & Coombs, W. T. (1994). Speaking of visions and visions being spoken: an exploration of the effects of content and delivery on perceptions of leader charisma. *Management Communication Quarterly*, 8(2), 165-189.

Hsieh, Hsiu-Fang, & Sarah E. Shannon. (2005). Three approaches to qualitative content analysis. *Qualitative Health Research*, 15(9), 1277-1288.

Hyland, Ken. (2005). Stance and engagement: a model of interaction in academic discourse. *Journal Sage Publication.* May 1, 2005.

Ibrahim Majdi Mohamad Kamil, & Maliati Mohamad. (2020). The challenge of empowering Malay language in achieving nation state in Malaysia. *Asian People Journal* 2020, 3(2), 181-191.

Idris Aman. (2001). *Wacana dan kepimpinan: satu analisis terhadap perutusan Perdana Menteri Mahathir Mohamad*. (Tesis Ph.D. yang tidak diterbitkan). Fakulti Bahasa dan Linguistik. Universiti Malaya. Kuala Lumpur.

Idris Aman. (2004). Bahasa dan kepimpinan pengkhalayakan wacana Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad. *Akademika 65,* 3-25.

Idris Aman. (2006). *Bahasa dan kepimpinan: analisis wacana Mahathir Mohamad*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Idris Aman. (2008). Bahasa dan kuasa: analisis wacana Barisan Nasional dalam pilihan raya umum Malaysia ke-11. *Akademika*, 72(1), 69-96.

Idris Aman. (2011). Mengurus wacana dan kepimpinan: analisis ucapan sulung Perdana Menteri Malaysia Keenam. *Jurnal Bahasa*, 11(2), 235-272.

Idris Aman, Norsimah Mat Awal, & Mohammad Fadzeli Jaafar. (2014). Strategi wacana teks akademik sains dan teknologi. *Gema Online Journal of Language Studies,* 14(01), 189-202.

Iwan Marwan. (2017). The function of intertextuality in religious humor text. *Mozaik Humaniora*, 17(1), 99-112.

Kitaeva, E., & Olga Ozerova. (2019). Intertextuality in political discourse. In book: *Language, Power, and Ideology in Political Writing* (143-170). Xenia Liashuk (Trnava University in Trnava, Slovakia)

Kremneva, A., & Manukhina, Inna. (2013). The role of intertextuality in American Presidential discourse. *Karadeniz Uluslararası Bilimsel Dergi Journal*, 20, 1-9.

Kristeva, J. (1980). *Desire in language: A semiotic approach to literature and art. - Ed. Leon Roundier*. New York: Columbia UP.

Ksenia, Rybachuk. (2016). Intertextuality in the political discourse of the US democratic party in the 21st century. *Advande in Social Science, Education, and Humanities Research (ASSEHR)*, 112 45th International Philological Conference (IPC 2016), 81-84.

Mawar Safei. (2016). Politik dan intertekstualiti dalam Juara. *Malay Literature*, 29(2), 207-232.

Mazlan Abu Bakar, Zaitul Azma Zainon Hamzah, & Aminuddin Saimon. (2021). Ideologi kepemimpinan dalam ucapan Dato' Seri Najib Tun Abdul Razak. *JYSJL*, 4(2), 136-154.

Mohamad Fitri Mohamad Yussof, Zaitul Azma Zainon Hamzah, Pabiyah Haji Maming @ Pabiyah Toklubok, & Hjh. Nor Azuwan Yaakob. (2015). Intertekstualiti dalam wacana muamalat. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 3(1), 91-105.

Mohammad Saleeh Rahamad. (2021, 30 November). Memartabatkan penggunaan bahasa Melayu. *MyMetro-Bernama*. https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/11/783226/ memartabatkan-penggunaan-bahasa-melayu.

Mohd. Ekhwan Hj. Toriman. (2021). Video rakaman Sejenak Minda Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia Siri 1, 10hb Februari 2021. *Youtube* Universiti Kebangsaan Malaysia. Diakses daripada https://www.youtube.com/watch?v =pQ5FL9jm_Bg.

Mohd. Ekhwan Hj. Toriman. (2022). Video rakaman Sejenak Minda Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia Siri 10, 4hb Februari 2022. *Youtube* Universiti Kebangsaan Malaysia. Diakses daripada https://www.youtube.com/watch?v= WwWaAkfnBsU.

Mohd. Ekhwan Hj. Toriman. (2023). Video rakaman Sejenak Minda Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia Siri 14, 19hb Januari 2023. *Youtube* Universiti Kebangsaan Malaysia. Diakses daripada https://www.youtube.com/watch?v= uHHZBVKcrYU.

Noor. (2010). Perbezaan wacana lisan dan tulisan. Diakses daripada https://noor65.livejournal.com/422.html?

Norazimah Zakaria. (2017). Akal budi dan cerminan jati diri Melayu dalam pantun. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 4(2), 89-97.

Norhayati Alias. (2019). Analisis perbandingan penanda wacana pernyataan semula bahasa Melayu *iaitu* dan bahasa Sepanyol *esto es. Gema Online Journal of Language Studies*, 19(4), 363-378.

Nuradibah Asbullah, Hazlina Abdul Halim, & Nor Shahila Mansor. (2017). Faktor pendorong penukaran kod dalam kalangan pelajar mobility berbahasa Perancis di Malaysia. *Jurnal Kemanusiaan*, 15: 1-S, 29-33.

Nurafiq Inani Man, & Zulhamri. (2019). Chairman's statement of a Malaysian Public University: a critical discourse analysis. *International Journal of Accounting, Finance, and Bussines (IJAFB)*, 4(19), 31-43.

Patton, Michael Quinn. (2014). *Qualitative research and evaluation methods.* Los Angeles: Sage.

Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia. (2021). *Strategi UKM*. *https://www.ukm.my/strategi-ukm/sejenak-minda*

Pusat Strategi Universiti Kebangsaan Malaysia. (2021). *Buku Pelan Strategik Universiti Kebangsaan Malaysia 2021-2025*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Puteri Roslina Abdul Wahid (2005). Bahasa Melayu dalam konteks budaya dan kuasa. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu, DBP*, 2 Disember 2005.

Rohana, & Syamsuddin. (2015). *Analisis wacana.* CV Samudera Alif MTM.

Rohaidah Haron. (2016). *Bahasa dan identiti wacana Mohd. Najib Razak.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Romel Noverino. (2015). Kajian analisis wacana kritis intertekstualitas (interdiskursivitas) pada terjemahan yang menggunakan bahasa gaul. *Jurnal Elektronik*, 6, 108-116.

Suppiah, S. M., Ahmad, M. K., Yusof, N., & Velloo, P. (2022). Tun Mahathir Mohamad's leadership communication as the essence of social change: what the Malaysian Hindus' opinion leaders say? *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 38(3), 37-53.

Tan Kim Hua, Nor Fariza Mohd Nor, & Mohd Nayef Jaradat. (2012). Communication strategies among EFL students – an examination of frequency of use and type of strategies used. *GEMA Online Journal of Language Studies.* 12(3),831-848.

Van Zoonen, L. (2017). Intertextuality. In Rossler, P., Hoffner, C. & van Zoonen. (eds). *The international encyclopedia of mMedia effects.* Willey-Blackwell.

Biodata Penulis:

Neng Lia Marliana ialah pelajar PhD di Program Linguistik, Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia. Bidang kajian berkaitan analisis wacana kritis, wacana pedagogi.

Prof Madya Dr Mohammad Fadzeli Jaafar ialah pensyarah kanan di Program Linguistik, Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia. Pengkhususan dalam bidang linguistik, stilistik dan analisis wacana, pragmatik, dan sosiolinguistik.

Dr Harishon Radzi ialah Ketua Program Linguistik dan pensyarah kanan di Program Linguistik, Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia. Pengkhususan dalam bidang linguistik dan komunikasi, morfologi, geolinguistik, dan analisis wacana.